

13 SEP 1999

APEC-BANK

PEMIMPIN APEC SETUJU ADAKAN STANDARD PERBANKAN ANTARABANGSA

AUCKLAND, 13 Sept (Bernama) -- Dari apa yang dilihat sebagai perkembangan terbesar ke arah pemulihan sistem kewangan global, pemimpin-pemimpin Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) telah sebulat suara bersetuju membendung kegiatan bank-bank yang menggalakkan spekulator menerusi pinjaman berisiko tinggi.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, tanpa wang yang banyak untuk dipinjamkan kepada spekulator ini, mereka tidak akan berdaya menyerang matawang-matawang dan ekonomi yang akhirnya membawa kepada krisis ekonomi dan kewangan Asia.

Pemimpin-pemimpin APEC berkata bank-bank patut mengikut standard-standard antarabangsa supaya mereka (bank-bank ini) lebih telus dan dipercayai, kata beliau pada sidang akhbar yang diadakan di sini hari ini.

Abdullah berkata langkah itu akan membolehkan pengurangan pinjaman berisiko tinggi, terutamanya untuk tujuan-tujuan spekulatif, di samping membantu membendung aktiviti-aktiviti yang boleh membinasakan oleh pedagang-pedagang matawang.

Dengan itu, pemimpin-pemimpin telah mengarahkan Menteri-menteri Kewangan Apec supaya membentuk satu standard antarabangsa, kata beliau ketika mengulas mengenai Deklarasi Auckland, hasil keputusan sidang Kemuncak ketujuh Apec.

Dalam taklimatnya kepada wartawan Malaysia, Abdullah berkata Malaysia berpuas-hati dengan keputusan yang diperolehi daripada perjumpaan itu, terutamanya ketika negara berada di hadapan dalam usaha memperbaiki kerangka kewangan antarabangsa.

Abdullah juga berkata perbincangan berlangsung dengan aktif, secara terus-terang dan "kami rasa selesa dengan pendapat yang diluahkan oleh semua".

Mesyuarat diadakan di Muzium Auckland.

"Kami mencapai lebih daripada apa yang dicapai oleh Menteri-menteri Kewangan Apec," kata beliau.

Abdullah juga memberi penghormatan kepada Perdana Menteri New Zealand Jenny Shipley yang dikatakan menjalankan tugas yang begitu berjaya ketika mempengerusikan sidang kemuncak pemimpin-pemimpin Apec tahun ini.

Dengan pemulihan ekonomi yang dapat dilihat sekarang ini, beliau berkata Apec kini lebih memahami langkah-langkah yang diambil, seperti kawalan modal oleh Malaysia yang boleh dijadikan polisi ekonomi selagi sistem kewangan antarabangsa kekal rancak.

Abdullah berkata beliau gembira melihat pemimpin-pemimpin Apec melihat perkara ini secara spontan apabila Shipley, sebagai pengerusi memperkatakan mengenai perkara (kawalan modal) itu dalam sesi perbincangan.

Memandangkan bank-bank menjadi dalang dengan memberi pinjaman kepada institusi-institusi leveraj tinggi termasuk dana lindung tinggi, "para pemimpin sebulat suara melahirkan kebimbangan mengenai aktiviti-aktiviti ini yang membawa kepada krisis ekonomi di kebanyakan negara Apec," kata beliau.

Pendapat bersama pemimpin-pemimpin Apec ke atas standard perbankan jelas menunjukkan keyakinan dalam Apec yang telah mendapat kritikan, terutamanya pada mesyuarat tahun ini yang dikatakan "dibayangi" oleh isu-isu bukan berkaitan ekonomi, terutamanya masalah Timur Timor.

"Kami tidak membincangkan perkara itu langsung, fokus kami tertumpu

kepada Apec," kata Abdullah.

Jika dibandingkan dengan mesyuarat yang diadakan di Vancouver dan Kuala Lumpur, "kami sememangnya telah membuat satu kemajuan, terutamanya dalam usaha melindungi negara-negara baru membangun tidak diserang sekali lagi," kata beliau.

Di Vancouver, perkara-perkara seperti spekulasi matawang dan aktiviti-aktiviti institusi leveraj tinggi enggan diperbincangkan.

Di Kuala Lumpur pula, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pernah membangkitkan perkara ini, tetapi maklumbalas yang diterima agak mengecewakan.

"Tetapi hari ini, maklumbalas yang diterima begitu positif dengan penerimaan secara spontan di kalangan pemimpin-pemimpin ketika perkara (kawalan modal) dibangkitkan oleh pengerusi," kata beliau.

Mereka, kata Abdullah, akhirnya bersetuju satu standard antarabangsa perlu diadakan ke atas bank-bank supaya mereka (bank-bank) patuh kepada etika-etika kod dan tidak lagi memberi pinjaman berisiko tinggi.

Beliau berkata jumlah wang yang digunakan oleh institusi-institusi leveraj tinggi untuk membuat spekulasi matawang bergantung kepada jumlah pinjaman yang didapati dari bank-bank.

Dalam banyak kes, sejumlah wang yang besar diberi pinjam pada margin yang tinggi terutamanya bagi pelaburan yang berisiko, kata Abdullah.

Beliau berkata banyak langkah lain yang boleh diambil oleh Apec, tetapi buat masa ini, forum itu akan memberi fokus kepada mengujudkan standard antarabangsa untuk bank-bank.

Kumpulan-kumpulan Apec terdiri daripada Australia, Brunei, Kanada, Chile, China, Hong Kong, Indonesia, Jepun, Korea Selatan, Malaysia, Mexico, New Zealand, Papua New Guinea, Peru, Filipina, Rusia, Singapura, Taiwan, Thailand, Amerika Syarikat dan Vietnam.

Brunei akan menjadi tuan rumah mesyuarat Apec akan datang, pada bulan November, 2000. -- BERNAMA

MR AA OS